



**MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA (MPM)**  
**KENYATAAN SEBUT HARGA**

Pelawaan ini adalah terbuka kepada pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), masih sah tempoh pendaftaran serta dibenarkan membuat tawaran bagi melaksanakan perkhidmatan seperti berikut:

No. Tawaran	Keterangan Tawaran	Kelayakan / Kod Bidang (MOF)	Harga Dokumen
MPM/SH/02/2026	<b>SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PELAN PERLINDUNGAN INSURANS BAGI KAKITANGAN MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA (MPM) UNTUK TEMPOH SATU (1) TAHUN</b>	<b>221801 – Perkhidmatan Syarikat Insurans</b>  <b>ATAU</b> <b>221802 – Perkhidmatan Broker Insurans</b>  <b>ATAU</b> <b>221804 - Pengurusan Kewangan dan Korporat</b>	Percuma

**CARA MENDAPATKAN DOKUMEN:** Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi secara percuma melalui laman web rasmi Majlis Perubatan Malaysia (MPM) di <https://mmc.gov.my> mulai **11 JUN 2026** atau boleh muat turun di sini [Dokumen Sebut Harga](#) .

**CARA MENGHANTAR DOKUMEN:** Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri atau ditutup menggunakan pita pelekat (*seal tape*) serta ditulis nombor tawaran **MPM/SH/02/2026** pada bahagian kiri atas sampul surat. Dokumen tersebut perlu dimasukkan ke dalam peti tawaran yang telah ditetapkan pada atau sebelum **29 JUN 2026 jam 12.00 tengah hari**.

**TARIKH TUTUP DAN MASA:**

Sebut harga ini akan ditutup pada tarikh **29 JUN 2026 jam 12.00 tengah hari**. Tawaran yang lewat diterima dari waktu dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

**TAKLIMAT SEBUT HARGA:**

Satu sesi taklimat sebut harga akan diadakan pada **15 JUN 2026, 10.00 pagi hingga 12.30 tengah hari** untuk memberikan penjelasan lanjut berkaitan skop perkhidmatan, spesifikasi serta keperluan sebut harga kepada penyebut harga yang berminat menyertai sebut harga ini.

Sebarang pertanyaan berhubung sebut harga ini, boleh dikemukakan kepada pegawai berikut:

Untuk Syarat Am Sebut Harga	Untuk Spesifikasi Teknikal
Nama: En. Amsyar bin Anuar No. telefon : 03-90782171 ext: 124	Nama: Pn. Norsalawati binti Yusof No. telefon : 03-90782171 ext: 131

MPM tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga yang dikemukakan serta berhak untuk tidak memberikan sebarang sebab atas penolakan sesuatu tawaran sebut harga.